



Oleh Yusri Abdul Malek

Pinjaman PTPTN

Kelas pertama belajar percuma

B/H 14/4/2012 MS 20

SU penghapusan pinjaman Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) dan pendidikan percuma di institusi pengajian tinggi awam (IPTA) terus menjadi retorik agenda parti politik tertentu sedangkan secara rasionalnya semua sedia maklum, penghapusan menyebabkan kerajaan terpaksa menanggung beban kewangan berjumlah RM43 bilion.

Sekalipun, mereka ini ada hujah tertentu bagi menarik sokongan golongan muda tetapi bagi mahasiswa yang meminjam melalui PTPTN, apa yang mereka perlu lakukan hanya satu iaitu belajar bersungguh-sungguh hingga memperoleh ijazah sarjana muda kelas pertama. Jika ini dapat dilakukan, pinjaman pelajar itu akan dikecualikan daripada bayaran balik atau dalam kata mudahnya diberikan secara percuma.

Mengikut statistik, sejak PTPTN ditubuhkan pada 1997 hingga 31 Disember tahun lalu, seramai 11,164 pelajar IPTA dan IPTS yang mendapat ijazah sarjana muda kelas pertama dikecualikan daripada bayaran balik.

Daripada jumlah itu, 8,102 pelajar mewakili IPTA manakala 3,062 pelajar dari IPTS. Berita baik ini sepatutnya diuar-uarkan di kalangan mahasiswa agar mereka cemerlang dalam pelajaran dan bukan menyusahkan diri berjuang untuk

menghapuskan Akta Universiti dan Kolej semata-mata untuk bergiat aktif dalam politik sedangkan mereka hanya berada di alam kampus untuk tempoh antara tiga hingga enam tahun.

PTPTN diluluskan penubuhannya oleh Jemaah Menteri pada 18 September 1996 melalui Akta Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional 1997. Asas penubuhan, memastikan sekurang-kurangnya 50 peratus pelajar berumur 17-23 tahun memasuki pendidikan tertiar menjelang 2020.

Selain itu, ia menyediakan sumber manusia yang mencukupi untuk menampung pertumbuhan ekonomi menjelang Malaysia sebagai negara maju pada 2020. Sejak itu hingga kini, PTPTN sudah mengeluarkan RM42.9 bilion pembiayaan ke atas 1.9 juta mahasiswa sama ada di IPTA atau IPTS.

Malah, pembiayaan PTPTN untuk yuran pembelajaran di negara ini sebenarnya berada pada tahap rendah kerana 90 peratus daripada kos pendidikan sudah

Institusi	Bilangan pinjaman/penerima biaya	Peratusan (%)
IPTA	8,102	74
IPTS	3,062	26
Keseluruhan	11,164	100

Sumber: PTPTN

Bidang	Bil. semester	Yuran pengajian sebelum subsidi (RM)	Yuran pengajian selepas subsidi (RM)	Peratusan subsidi (%)
Perubatan	10	166,000	9,000	94.6
Kejuruteraan	8	61,200	5,600	90.8

Sumber: Contoh berpandukan yuran pengajian semasa UKM

Bidang	Bil. semester	Pinjaman/pembiayaan (RM)	Yuran pengajian (RM)	Sara hidup (RM)
Perubatan	10	35,000	9,000 (26%)	26,000 (74%)
Kejuruteraan	8	28,000	5,600 (20%)	22,400 (80%)

Sumber: Contoh berpandukan yuran pengajian semasa UKM

dibiayai kerajaan.

Sebagai contoh, bidang perubatan di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), kadar yuran yang dikenakan sebelum diberi subsidi untuk tempoh pengajian selama 10

semester adalah RM166,000 tetapi yuran pengajian yang dikenakan selepas subsidi hanya RM9,000 iaitu meliputi 94.6 peratus subsidi kerajaan.

Begitu juga bagi bidang ke-

juruteraan, yuran pengajian sebelum subsidi adalah RM61,200 dan selepas subsidi, kadar yuran dikenakan hanya RM5,600 iaitu hanya 10 peratus daripada yuran keseluruhan pengajian.

Oleh itu, sekiranya PTPTN dimansuhkan, ia akan memberi implikasi buruk iaitu mengehadkan akses kepada pengajian tinggi di kalangan pelajar miskin dari luar bandar kerana mereka tiada pembiayaan untuk kos sara diri, terutama jika IPTA itu berada di kawasan bandar seperti Universiti Malaya (UM) di Kuala Lumpur, Universiti Sains Malaysia (USM) di Pulau Pinang dan Universiti Teknologi Malaysia (UTM) di Johor Bahru.

Bagi pelajar, ketiadaan kemudahan pinjaman menyebabkan mereka perlu bergantung sepenuhnya kepada pemberian wang daripada ibu bapa untuk menampung kos sara hidup sepanjang pengajian. Ini sudah pasti membebankan ibu bapa.

PTPTN bukan hanya membantu anak Bumiputera dan Melayu, tetapi pelajar bukan

syukur di atas nikmat yang ada.

Bagi pendidikan percuma pula, kerajaan memerlukan dana besar bagi membiayai sepenuhnya semua 20 IPTA sedia ada di negara ini. Untuk itu, kerajaan perlu mengurangkan jumlah subsidi di bawah sektor lain.

Malah, kaedah ini langsung tidak boleh diguna pakai atau dilaksanakan ke atas IPTS kerana ia adalah entiti perniagaan yang berasaskan keuntungan.

Jika IPTA percuma, sudah tentu tumpuan masyarakat akan beralih kepada IPTA untuk melanjutkan pelajaran dan sudah pasti syarat kemasukan akan berasaskan meritokrasi dan bukan lagi latar belakang sosial ekonomi.

Kualiti pengajian tinggi negara juga akan jatuh kerana faktor percuma menghilangkan nilai sebenar ilmu dan sikap mengehadkan akses kepada pengajian tinggi di kalangan pelajar miskin dari luar bandar kerana mereka tiada rasa rugi sekalipun gagal.

Walaupun diakui ada negara di dunia, terutama di Scandinavia dan Jerman yang memberi pendidikan percuma tetapi pada masa sama, kadar cukai pendapatan dikenakan ke atas rakyatnya adalah tinggi. Sanggupkah kita menerima kenaikan cukai, terutama cukai pendapatan bagi menampung pelupusan PTPTN dan pendidikan percuma di universiti.

Sekalipun, negara memiliki hasil petroleum melalui Petronas tetapi wang berkenaan perlu dimanfaatkan untuk pembangunan rakyat terbanyak yang lain.

Bumiputera dan kaum lain turut menikmati manfaat daripada tabung berkenaan.

PTPTN adalah landasan masa depan pelajar untuk membantu ibu bapa mereka kelak dan adalah tidak wajar sekiranya ia dihapuskan.

Pemansuhan pembiayaan ini juga bermakna tiada wang untuk IPTS kerana institusi itu juga bergantung kepada pembiayaan berkenaan untuk terus beroperasi dan membayar kos sepatutnya selain mengekalkan keuntungan.

Pada masa sama, ia memberi tekanan kepada penaja lain seperti Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Mara, yayasan negeri untuk melupuskan pinjaman pelajar masing-masing dan angka yang akan meningkat ini perlu ditanggung oleh kerajaan.

Ia juga akan membentuk pelajar yang bukan saja tidak bertanggungjawab ke atas hutang pelajaran tetapi hutang-hutang lain dalam alam kerjaya mereka serta meruntuhkan nilai moral dalam masyarakat dan mendidik masyarakat untuk tidak ber-

Dalam pertemuan Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin dengan Timbalan Naib Canselor IPTA tempatan baru-baru ini, beliau memaklumkan pemansuhan PTPTN tidak akan dilakukan pada masa ini kerana kerajaan memerlukan peruntukan besar menyediakan pendidikan percuma malah bakal menjejaskan sektor institusi pengajian tinggi awam dan swasta (IPTA/IPTS).

Katanya, kalau mahu hapuskan PTPTN, maknanya pendidikan di semua universiti awam harus diberikan secara percuma.

"Apakah kesannya kepada sistem pendidikan negara kita?" katanya.

Sebagai mahasiswa, fikirkanlah masa depan untuk cemerlang dalam pelajaran kerana itu adalah matlamat utama berada di menara gading. Ingatlah sentiasa ibu bapa di kampung yang mengharapkan anaknya cemerlang.